

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan-kepentingan pelaburan dalam saham amanah kepada masyarakat dan langkah menggalakkan masyarakat membuat pelaburan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Melabur dalam unit amanah merupakan salah satu kaedah pelaburan mudah yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang ingin *menikmati kesenangan* dalam jangka panjang. Kelebihan melabur dalam unit amanah antaranya ialah modal permulaan yang tidak terlalu besar dan risiko pelaburan yang rendah. Antara unit amanah berisiko rendah dan paling mudah disertai ialah unit amanah harga tetapseperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), ASB3, Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Saham Didik (ASD) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Semua dana yang diwujudkan ini merupakan satu dana pelaburan yang baik untuk melatih rakyat menyimpan sambil melabur.

Pelaburan dalam saham amanah merupakan satu-satunya institusi kewangan yang menawarkan kemudahan kecairan paling pantas berbanding pengurusan dana lain. Sebagai contoh, para pelabur yang memerlukan wang boleh menjual semula unit saham mereka kepada pengurus dana pada hari perniagaan dan akan dibayar pada hari yang sama. Selain itu, masyarakat bumiputera boleh melabur secara tunai dalam semua unit amanah berkenaan demi membina tabungan yang kukuh tanpa sebarang masalah malahan mereka boleh melabur pada bila-bila masa mengikut kemampuan.

Pelaburan melalui amanah saham merupakan satu langkah bijak untuk masa hadapan kerana pelaburan saham ini dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Oleh yang demikian, para pelabur tidak perlu risau terhadap masalah berkaitan salah laku pengurusan, kehilangan dana, keadaan ekonomi serta berbagai-bagai lagi faktor lain yang boleh menggugat pelaburan. Kini, pelaburan melalui saham amanah telah berkembang dengan pesat. Nilai pegangan ekuiti saham amanah terus meningkat dan terus berkembang. Secara tidak langsung, saham amanah mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Pelaburan dalam unit amanah disifatkan paling mudahsehingga ada dalam kalangan masyarakat sering membuat kesilapan dalam pelaburan. Antara kesilapan yang sering dilakukan ialah terdapat sesetengah golongan yang menunggu terlalu lama untuk melabur sehingga akhirnya mereka tidak membuat pelaburan. Seterusnya, mereka tidak mempunyai matlamat pelaburan yang khusus dan hanya melabur kerana tertarik kepada pengisytiharan dividen sahaja. Mungkin juga ada yang membuat pelaburan kerana terpaksa.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pilihan Bijak dalam
Pelaburan Unit Amanah' Oleh Muhammad Ridzuan Amin
dan Lina Ahmad Siri Bijak Urus Wang

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menikmati kesenangan*.

[2 markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesilapan yang telah dilakukan oleh orang ramai dalam membuat pelaburan.

Apakah kesilapan-kesilapan tersebut?

[3 markah]

- (iii) Statistik menunjukkan bahawa masih ramai rakyat Malaysia tidak berminat membuat pelaburan.

Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat Malaysia kurang berminat membuat pelaburan?

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SUNDARANI : Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI : Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

AH TIAU : Apakah objektifnya, cikgu?

CIKGU DAHARI : Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

SYUHADA : Saya lihat logo PLKN sangat menarik. Tentu ada makna yang tersirat.

Dipetik daripada drama “Berkhidmat Untuk Negara” oleh Affix Zulkarnaen Adam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Senaraikan objektif Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, nyatakan punca remaja hari ini kurang berminat untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam keseluruhan drama.
[4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya, "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun *menyuruh berlengkap* kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyuruh berlengkap*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan Sidi Arab setelah mendengar khabar bahawa Cau Pandan akan menyerang Melaka.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan ikhtiar yang boleh dilakukan oleh seseorang pemerintah untuk mengelakkan negaranya terlibat dalam peperangan.
[3 markah]

Soalan 2 (d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kudup Perang

Sementara dia bergelar panglima
laskar perang; yang terus-menerus
membajakan kezaliman – sering
mengudupkan putik dendam
kita masih perlu berterima kasih
kepada jari-jemari takdir
kerana membenarkan sepasang mata
untuk berlari dengan tangan bergari
sempat juga menadah sejambak puisi
untuk sehari lagi; sambil bertanya:
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
ke luar jendela;sewaktu fajar menghembus
ringkik kuda, gemerincing
pedang pusaka
dan darah yang tiba-tiba membuak
di daerah angkara – perciknya
menumbuhkan kelopak rahsia
dalam keliru, tertanya-tanya kita
tangan mana yang memenggal
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
tidak mahu
menyanjungnya pendekar paling gagah
kerana takhta setia terbina
di istana wangsa
bukanlah penjamin kukuhnya
pasak saksama
sesekali turut direntakan daki pendusta
melekatlah selumbar sengsara
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
menggelarnya sebagai pengkhianat
kerana kita masih menangi
peta keadilan yang tersiat – nun, karam
di lautan kesumat
sedang warga memanggilnya keramat.

perang pun melecurkan lidah muslihat
bercabang lalu bertemu bayu palsu;
bertiup dan memindahkan kebenaran pada
tempatya
mewarnakan keindahan pada hodohnya
menjungkitkan amarah pada damainya
teramat lara kita menjahit semula
perca-perca bahagia – seperti perawan
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,
kita masih bertengkar
tentang siapa
pahlawan sebenarnya.

Dipetik daripada sajak 'Kudup Perang'
oleh Tuah Sujana
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan maksud rangkap **pertama** sajak. [2 markah]
- (ii) Rangkap keenam sajak tersebut menyedarkan kita bahawa sehingga kini, masyarakat masih bertengkar untuk menentukan pemimpin yang benar-benar berwibawa. Kemukakan **tiga** cara untuk mengatasi kemelut ini. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*
- (i) jerih-perih
 - (ii) karut-marut
 - (iii) degap-degup
 - (iv) colorong-celoreng
 - (v) kembang-kuncup
 - (vi) licin-licau
- [6 markah]
- (b) *Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*
- (i) Murid tersebut tidak dapat menjelaskan yuran lawatan ke Kuala Lumpur kerana tidak berkemampuan.
 - (ii) Sebanyak 40 orang pelajar telah menerima surat pelantikan sebagai pegawai Sekolah Kebangsaan Batu Merah.
 - (iii) Setelah beberapa bulan membuat segala persiapan majlis perkahwinan abang, kami sekeluarga pun menerima para tetamu dengan tangan terbuka.
- [6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Antara intipati ucapan pengurus syarikat tersebut ialah pemasalahan disiplin yang berlaku kerana para pekerja tidak menghayati peraturan-peraturan syarikat.
- (ii) Para pelajar diminta untuk menguasai sub-tajuk dalam mata pelajaran Sains agar tercapai keputusan cemerlang.
- (iii) Tiba-tiba syiling dewan orang ramai yang terbakar itu jatuh sebelum tetamu dewan itu menyelamatkan diri.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.*

- (i) Barang- barang dari Syarikat Azim begitu laris sekali jualannya kerana syarikat ini amat mementingkan kuantiti produknya.
- (ii) Banyak pepohon rhu di tepi pantai yang sudah tua itu ditebang untuk menghalang sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.
- (iii) Sejak awal tahun lagi, Pak Manan telah bersiap siaga untuk menguruskan bendangnya yang terletak tidak jauh daripada rumahnya.

[6 markah]

(e) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan peribahasa di bawah:*

- (i) Membuka pekung di dada
- (ii) Bagai pinang dibelah dua
- (iii) Bagai mencurah air ke daun keladi

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :

(i)	<i>Leftenan Adnan Wira Bangsa</i> karya Abdul Latip Talib
(ii)	<i>Di Sebalik Dinara</i> karya Dayang Noor
(iii)	<i>Jendela Menghadap Jalan</i> karya Ruhaini Matdarin
(iv)	<i>Pantai Kasih</i> karya Azmah Nordin
(v)	<i>Tirani</i> karya Beb Sabariah
(vi)	<i>Bimasakti Menari</i> karya Sri Rahayu Mohd Yusop
(vii)	<i>Songket Berbenang Emas</i> karya Khairuddin Ayib
(viii)	<i>Silir Daksina</i> karya Nizar Parman

- (a) Tema merupakan persoalan pokok yang menunjangi penceritaan dalam sesebuah novel. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, nyatakan tema novel tersebut beserta dua bukti yang menyokong tema tersebut.

[7 markah]

- (b) Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan konflik yang dihadapi oleh watak utama dan cara menyelesaikannya.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT